KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

**LAPORAN HARIAN SELASA, 10 DISEMBER 2024**



JKM JPW LPPKN ISM LKM YKN TAGS




10/12/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 1 | **KPWKM PERKASA INDUSTRI PENJAGAAN MELALUI PROGRAM LATIHAN ISM** | | **POSITIF** |
| | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpwkm-perkasa-industri-penjagaan-melalui-program-latihan-ism | BERITA.RTM.GOV.MY | |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/kpwkm-beri-tumpuan-lahirkan-penjaga-berkemahiran-melalui-ism/ | BULETINTV3.MY | |
| | https://www.tvsarawak.my/2024/12/09/dewan-rakyat-kpwkm-tumpu-lahirkan-penjaga-berkemahiran/ | TVSARAWAK.MY | |
| | https://malaysiagazette.com/2024/12/09/kpwkm-tumpu-lahirkan-penjaga-berkemahiran/ | MALAYSIAGAZETTE.COM | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 2 | **KES PENGABAIAN, PENDERAAN DI TASKA MASIH BERLAKU - NORAINI** | | **NEGATIF** |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/12/1334597/kes-pengabaian-penderaan-di-taska-masih-berlaku-noraini | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2024/12/1145899/most-child-abuse-cases-unlicensed-childcare-centres-noraini | NST.COM.MY | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1164161/hanya-3-kes-penderaan-kanak-kanak-di-taska | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/12/09/over-4200-child-abuse-cases-reported-as-of-august-says-noraini | THESTAR.COM.MY | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2024/12/09/majoriti-kes-dera-berlaku-di-tangan-orang-dikenali-mangsa-noraini | UTUSANBORNEO.COM.MY | |
| | https://www.tvsarawak.my/2024/12/09/dewan-rakyat-majoriti-kes-penderaan-kanak-kanak-berlaku-di-tangan-orang-dikenali/ | TVSARAWAK.MY | |
| | https://malaysiagazette.com/2024/12/09/4424-kes-dera-direkodkan-sehingga-ogos-lalu-kpwkm/ | MALAYSIAGAZETTE.COM | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/701251/berita/nasional/kes-dera-abai-kanak-kanak-banyak-libatkan-taska-tidak-berdaftar---noraini#google_vignette | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.kosmo.com.my/2024/12/09/kes-dera-di-taska-melibatkan-premis-tidak-berdaftar/ | KOSMO.COM.MY | |

10/12/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 3 | **JKM JOHOR SELAMATKAN REMAJA, DISYAKI MANGSA ROGOL DI PUSAT JAGAAN ANAK YATIM SWASTA** | | POSITIF |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/12/1334872/jkm-johor-selamatkan-remaja-disyaki-mangsa-rogol-di-pusat-jagaan-anak | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2024/12/1145932/teen-rescued-kulai-home-orphanage-under-welfare-dept-watch | NST.COM.MY | |
| | https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/12/1146003/orphanage-caretaker-slapped-child-abuse-charges | NST.COM.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/701366/berita/semasa/lelaki-pukul-kanak-kanak-telah-ditahan-polis-bersabit-kes-rogol | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/12/09/orphanage-caretaker-arrested-for-rape-also-caned-10-year-old-in-viral-video-cops-say | THESTAR.COM.MY | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1164348/penghuni-pusat-jagaan-mangsa-rogol-diselamatkan-suspek-turut-disiasat | HMETRO.COM.MY | |
| | https://malaysiagazette.com/2024/12/09/jkm-johor-selamatkan-remaja-perempuan-mangsa-rogol/ | MALAYSIAGAZETTE.COM | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/12/jkm-selamatkan-remaja-mangsa-rogol/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/12/09/johor-police-teen-alleges-rape-by-charity-home-caretaker-in-kulai-since-she-was-13-leading-to-pregnancy-claims-baby-was-sold/159291 | MALAYMAIL.COM | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 4 | **PROPOSED NATIONAL CARE ECONOMY POLICY, KAFA TEACHER QUOTA AMONG DEWAN RAKYAT FOCUS TODAY** | | NEUTRAL |
| | https://www.bernama.com/en/news.php?id=2372281 | BERNAMA.COM | |
| | https://selangorjournal.my/2024/12/care-economy-policy-kafa-teacher-quota-among-focus-in-parliament-today/ | SELANGORJOURNAL.MY | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/12/09/proposed-national-care-economy-policy-kafa-teacher-quota-among-parliament-highlights-today | THESTAR.COM.MY | |




10/12/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| | https://www.malaysiakini.com/news/728358 | MALAYSIAKINI.COM | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 5 | **BANJIR DI KELANTAN PULIH, MANGSA DI JOHOR BERKURANG** | | POSITIF |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1164389/banjir-di-kelantan-pulih-mangsa-di-johor-berkurang | HMETRO.COM.MY | |
| | https://thesun.my/malaysia-news/pps-in-kedah-closed-flood-victims-dropped-in-several-states-number-in-johor-stays-AG13402750 | THESUN.MY | |
| | https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2372477 | BERNAMA.COM | |
| | https://themalaysianreserve.com/2024/12/09/number-of-flood-victims-continues-to-drop/ | THEMALAYSIANRESERVE.COM | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 6 | **PERTIMBANG ELAUN KHAS KEPADA PENJAGA WARGA EMAS** | | POSITIF |
| | https://harakahdaily.net/index.php/2024/12/09/pertimbang-elaun-khas-kepada-penjaga-warga-emas/ | HARAKAHDAILY.COM | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 7 | **AKTA PROFESION KERJA SOSIAL PERLU PENGLIBATAN SEMUA PIHAK** | | POSITIF |
| | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/akta-profesion-kerja-sosial-perlu-penglibatan-semua-pihak | BERITA.RTM.GOV.MY | |

10/12/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 8 | **ABANDONED BABY GIRL RECEIVES MYKID, UNDERGOES CLEFT-LIP SURGERY THANKS TO JOHOR GOVT JOINT EFFORT** | | **POSITIF** |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2024/12/1145971/abandoned-baby-girl-receives-mykid-undergoes-cleft-lip-surgery-thanks | NST.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 9 | **MERCATO LANCAR CSR, BANTU MANGSA BANJIR YANG TERKESAN** | | **POSITIF** |
| | https://www.trdi.my/mercato-lancar-csr-bantu-mangsa-banjir-yang-terkesan-v | TRDI.MY | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=fq-L5Upmsko | YOUTUBE | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 10 | **PROGRAM ISM SOCIAL TALK SIRI 8/2024 “THE EMPTY NEST SYNDROME”** | | **POSITIF** |
| | https://www.youtube.com/watch?v=JQ-y2eIpdLM | YOUTUBE | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 11 | **DEWAN RAKYAT LULUS PINDAAN AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** | | **POSITIF** |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1164366/dewan-rakyat-lulus-pindaan-akta-komunikasi-dan-multimedia | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.bernama.com/misc/rss/news.php?id=2372523 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/701329/berita/nasional/pindaan-akta-588-wujudkan-ekosistem-internet-lebih-selamat--fahmi | SINARHARIAN.COM.MY | |




10/12/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 12 | **BAYI MAUT SELEPAS DIHANTAR KE RUMAH PENGASUH** | | **NEGATIF** |
| | https://www.kosmo.com.my/2024/12/09/bayi-maut-selepas-dihantar-ke-rumah-pengasuh/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://thesun.my/malaysia-news/six-month-old-baby-dies-believed-smothered-by-a-blanket-AG13403627 | THESUN.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/701363/berita/semasa/video-bayi-enam-bulan-maut-lemas-dalam-selimut | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://malaysiagazette.com/2024/12/09/bayi-lelaki-6-bulan-maut-lemas-dalam-selimut/ | MALAYSIAGAZETTE.COM | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1164393/bibir-anak-sudah-biru-ketika-itu-pengasuh-dakwa-muka-anak-tertutup-selimut | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/12/bayi-maut-dipercayai-lemas-tertutup-selimut/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-lelaki-enam-bulan-maut-dipercayai-lemas-dalam-selimut-500008 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=Pqjq24pEYuc | YOUTUBE.COM | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/12/1334860/bayi-mati-dipercayai-lemas-dalam-selimut-di-rumah-pengasuh | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.bernama.com/en/news.php?id=2372532 | BERNAMA.COM | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 13 | **ROGOL REMAJA OKU: PENGAWAL KESELAMATAN DIPENJARA 15 TAHUN, SEMBILAN SEBATAN** | | **NEGATIF** |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/rogol-remaja-oku-pengawal-keselamatan-dipenjara-15-tahun-sembilan-sebatan-499983 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/701346/berita/semasa/rogol-remaja-oku-pengawal-keselamatan-dipenjara-15-tahun-9-sebatan | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=TdGDLongEpk | YOUTUBE.COM | |

10/12/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 14 | **TEEN ALLEGES RAPE AT CARE HOME** | | **NEGATIF** |
| | https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/12/1145663/teen-alleges-rape-care-home | NST.COM.MY | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/12/09/teen-sexually-abused-by-malaysian-psychiatrist-develops-severe-depression/ | FREEMALAYSIATODAY.COM | |

10/12/2024

| PECAHAN KATEGORI | BILANGAN MEDIA |
|---|---|
| **NEGATIF** | **28** |
| **JKM** | **24** |
| ASTROAWANI.COM | 1 |
| BERITA HARIAN | 1 |
| BERNAMA.COM | 1 |
| BHARIAN.COM.MY | 2 |
| FREEMALAYSIATODAY.COM | 1 |
| HARIAN METRO | 1 |
| HMETRO.COM.MY | 2 |
| KOSMO.COM.MY | 2 |
| MALAYSIAGAZETTE.COM | 2 |
| NST.COM.MY | 2 |
| SINARHARIAN.COM.MY | 2 |
| THE STAR | 1 |
| THESTAR.COM.MY | 1 |
| THESUN.MY | 1 |
| TVSARAWAK.MY | 1 |
| UTUSAN.COM.MY | 1 |
| UTUSANBORNEO.COM.MY | 1 |
| YOUTUBE.COM | 1 |
| **KPWKM** | **4** |
| ASTROAWANI.COM | 1 |
| SINARHARIAN.COM.MY | 1 |
| THE BORNEO POST | 1 |
| YOUTUBE.COM | 1 |




10/12/2024

| PECAHAN KATEGORI | BILANGAN MEDIA |
|---|---|
| **POSITIF** | **27** |
| **ISM** | **6** |
| BERITA.RTM.GOV.MY | 1 |
| BULETINTV3.MY | 1 |
| HARAKAHDAILY.COM | 1 |
| MALAYSIGAZETTE.COM | 1 |
| TVSARAWAK.MY | 1 |
| YOUTUBE | 1 |
| **JKM** | **14** |
| BERNAMA.COM | 1 |
| BHARIAN.COM.MY | 1 |
| HMETRO.COM.MY | 2 |
| MALAYMAIL.COM | 1 |
| MALAYSIAGAZETTE.COM | 1 |
| NST.COM.MY | 3 |
| SINARHARIAN.COM.MY | 1 |
| THEMALAYSIANRESERVE.COM | 1 |
| THESTAR.COM.MY | 1 |
| THESUN.MY | 1 |
| UTUSAN.COM.MY | 1 |
| **KPWKM** | **5** |
| BERITA.RTM.GOV.MY | 1 |
| BERNAMA.COM | 1 |
| HMETRO.COM.MY | 1 |
| SINARHARIAN.COM.MY | 1 |
| THE STAR | 1 |
| **YKN** | **2** |
| TRDI.MY | 1 |
| YOUTUBE | 1 |

10/12/2024

| PECAHAN KATEGORI | BILANGAN MEDIA |
|---|---|
| NEUTRAL | **4** |
| **KPWKM** | **4** |
| BERNAMA.COM | 1 |
| MALAYSIAKINI.COM | 1 |
| SELANGORJOURNAL.MY | 1 |
| THESTAR.COM.MY | 1 |
| **JUMLAH** | **59** |

# KPWKM perkasa Industri Penjagaan melalui program latihan ISM

Nasional - Dicipta: 09 Disember 2024 05:38 PM - Kemas kini: 09 Disember 2024 05:40 PM



*Timbalan Menteri Datuk Seri Noraini Ahmad*

***KUALA LUMPUR, 9 Disember*** - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) komited memperkasakan industri penjagaan melalui Program Latihan dan Pembangunan Kapasiti, Institut Sosial Malaysia (ISM).

Timbalan Menteri Datuk Seri Noraini Ahmad berkata, inisiatif tersebut bukan sahaja membuka peluang ekonomi serta pekerjaan baharu malah turut menggalakkan lebih ramai penyertaan wanita dalam sektor tersebut.

Tambahnya, ISM adalah institusi yang berperanan menyediakan latihan melalui modul yang komprehensif kepada industri penjagaan; selain mampu menyumbang kepada sektor ekonomi dan pembangunan negara.

"Industri Penjagaan yang sedang dibangunkan di negara kita bukan sahaja menjurus kepada usaha meningkatan penyertaan wanita dalam pasaran buruh tetapi turut melengkapi persiapan Malaysia yang bakal menjadi negara tua pada tahun 2030, Orang kurang upaya (OKU) mempunyai akses kepada penjagaan yang diperlukan, kanak-kanak mendapat jagaan dan asuhan yang terbaik serta meningkatkan kesejahteraan masyarakat di negara ini secara holistik," kata Noraini.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Wakil Ampang, Rodziah Ismail di Dewan Rakyat.

Pada masa sama Industri Penjagaan juga menzahirkan kesepakatan yang telah dipersetujui bersama dalam menjayakan ASEAN Declaration on Strengthening the Care Economy and Fostering Resilience Towards the Post 2025 ASEAN Community.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KES PENDERAAN, PENGABAIAN MASIH BERLAKU DI TASKA | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 10 DIS 2024 | M/SURAT | : | 14 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Kes penderaan, pengabaian masih berlaku di TASKA



*Noraini pada sesi lisan di Dewan Rakyat, semalam.* (Foto BERNAMA)

**Kuala Lumpur:** Kes penderaan dan pengabaian di Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) masih berlaku dengan kebanyakannya membabitkan premis haram yang tidak diketahui kewujudannya.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, berkata sebanyak 4,424 kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak direkodkan, setakat Ogos lalu.

Bagaimanapun, Ahli Parlimen Parit Sulong itu berkata, hanya tiga kes direkodkan berlaku di TASKA berdaftar dengan kementerian, manakala bakinya membabitkan operator haram.

Mengenai syor pengenalan kad bekerja dengan golongan rentan, Noraini mengakui terbuka dengan cadangan itu, selain menegaskan ia perlu diperhalusi sebelum keputusan dimuktamadkan.

"Kita sebagai rakyat memang marah apabila dengar kes penderaan terhadap kanak-kanak. Kami di kementerian mengakui memang ia masih berlaku.

"Namun, kebanyakan kes penderaan ini berlaku di TASKA tidak berdaftar yang tidak diketahui pun wujud oleh kementerian. Jika mereka mendaftar dengan kementerian atau TASKA tidak berdaftar, tetapi dalam senarai JKM (Jabatan Kebajikan Masyarakat), Notis Peringatan sudah dikeluarkan supaya tak beroperasi sehingga selesai proses pendaftaran," katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Muhammad Bakhtiar Wan Chik (PH-Balik Pulau) mengenai penyelesaian kes penderaan dan pengabaian yang dikesan berlaku di TASKA di seluruh negara pada sesi lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Menjawab soalan asal, Noraini berkata, selain penguatkuasaan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 (Akta 308), JKM sentiasa mengambil inisiatif berterusan bagi mengurangkan risiko kes membabitkan kecuaian, pengabaian dan penderaan kanak-kanak di TASKA.

JKM juga sudah mengeluarkan Garis Panduan Keselamatan Kanak-Kanak di TASKA Berdaftar, berkuat kuasa mulai 1 Januari lalu, selain mengarahkan pegawai diberi kuasa menjalankan pemeriksaan berkala dan mengejut bagi memastikan semua standard minimum ditetapkan, dipatuhi.

Selain itu, menyediakan perkhidmatan Talian Kasih 15999 yang membolehkan sebarang aduan penderaan dilaporkan pada bila-bila masa.




| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | 4,424 KES DERA BUDAK HINGGA OGOS TAHUN INI | | |
| HARI : | SELASA | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH : | 10 DIS 2024 | M/SURAT : | 10 |
| TONE : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# 4,424 kes dera budak hingga Ogos tahun ini

**Kuala Lumpur:** Kebanyakan kes penderaan kanak-kanak dilakukan individu dikenali mangsa, kata ***Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad.***

Menurutnya, berdasarkan statistik hingga Ogos tahun ini, sebanyak 4,424 kes berkaitan penderaan kanak-kanak dilaporkan.

"Daripada jumlah itu, tiga kes sahaja dilaporkan berlaku di taska selebihnya berlaku di tangan orang dikenali," katanya semasa pertanyaan bagi jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan ***Datuk Muhammad Bakhtiar Wan Chik (PH-Balik Pulau)*** mengenai apakah langkah atau solusi yang lebih efektif agar kes penderaan kanak-kanak di taman asuhan kanak-kanak (taska) dapat dikurangkan.

Mengulas lanjut, Noraini dalam pada itu turut memaklumkan, kebanyakan kes penderaan kanak-kanak berlaku di taska tidak berdaftar yang kewujudannya tidak diketahui pihak kementerian.

"Ini disebabkan kalau mereka mendaftar dengan kementerian atau taska tak berdaftar ada dalam senarai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), notis peringatan itu kita keluarkan supaya mereka tidak beroperasi hingga selesai proses pendaftaran," katanya.

Sementara itu, Noraini berkata, bagi mengurangkan kes penderaan kanak-kanak, pihak kementerian melancarkan program advokasi kanak-kanak.

"Ia bagi memberi kesedaran, pengetahuan kepada masyarakat umum terutama kanak-kanak itu sendiri bagaimana dan apa yang mereka boleh lakukan dalam usaha mengurangkan atau menidakkan langsung penderaan terhadap mereka," katanya.

**3 kes sahaja dilaporkan berlaku di taska selebihnya berlaku di tangan orang dikenali**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MANY CHILD ABUSE CASES INVOLVE PEOPLE KNOWN TO THE VICTIMS | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 10 DIS 2024 | M/SURAT | : | 12 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Many child abuse cases involve people known to the victims

**KUALA LUMPUR:** A total of 4,424 cases of child abuse had been reported as of August this year, with the majority of them involving perpetrators known to the victims, says Datuk Seri Dr Noraini Ahmad.

The Deputy Women, Family and Community Development Minister said three of these cases occurred at childcare centres.

She added that it was natural for Malaysians to feel angry over cases of neglect and abuse involving children, especially if it happens at childcare centres.

"As of August 2024, the majority of cases occurred at the hands of individuals known to the children," she said in reply to a supplementary question from Datuk Muhammad Bakhtiar Wan Chik (PH-Balik Pulau) during Minister's Question Time in the Dewan Rakyat here yesterday.

Muhammad Bakhtiar had asked the ministry whether it intended to amend the necessary laws related to childcare centres and make it compulsory for these centres to get a special card from the Welfare Department to operate.

According to Noraini, many abuse cases also occurred at unregistered childcare centres.

"If these centres were registered with the ministry or listed under the Welfare Department, we would have already issued warning notices to prevent them from operating until the registration process is complete.

"That is why we launched the Child Protection Advocacy Programme as an effort to raise awareness and educate the public, particularly children, about what they can do to reduce or prevent abuse against them.

"We also take note of and welcome the earlier suggestion from YB regarding ways to reduce child abuse, especially in childcare centres."

According to reports, the Women, Family and Community Development Ministry and the Education Ministry have held the programme in 327 schools this year.




# JKM Johor selamatkan remaja, disyaki mangsa rogol di pusat jagaan anak yatim swasta

Oleh Omar Ahmad - Disember 9, 2024 @ 11:44pm
bhnews@bh.com.my




- Foto hiasan

JOHOR BAHRU: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Johor menyelamatkan seorang remaja berusia 17 tahun, dipercayai menjadi mangsa rogol pemilik sebuah pusat jagaan anak yatim swasta di Kulai.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor, Khairin Nisa Ismail berkata insiden itu mendukacitakan pihaknya dan siasatan dijalankan sejak Khamis lalu.

"Untuk makluman, polis masih lagi menjalankan siasatan berkenaan isu ini. Pengerusi pusat jagaan ini sedang dalam tahanan polis daerah Kulai untuk siasatan lanjut.

"Semua penghuni di pusat jagaan itu kini berada dalam keadaan selamat. JKM Johor melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kulai sedang membuat pemantauan terhadap pusat jagaan ini.

"Kerajaan negeri akan sentiasa memastikan semua Pusat Jagaan khususnya Pusat Jagaan Kanak-Kanak dalam negeri Johor berada di bawah pemantauan JKM dengan kerjasama polis,"katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Dalam pada itu, satu rakaman video tular di media sosial berdurasi 56 saat dipercayai berlaku di pusat jagaan sama, memaparkan seorang lelaki memukul kanak-kanak perempuan dengan pembaris kayu panjang.

Lelaki dipercayai berusia lewat 50an memukul kanak-kanak perempuan terbabit dengan disaksikan beberapa lagi kanak-kanak lain, biarpun mangsa sudah memohon maaf.

Ketua Polis Daerah Kulai, Asisten Komisioner Tan Seng Lee mengesahkan menerima laporan berhubung insiden itu kira-kira jam 10.29 malam semalam.

Katanya, siasatan awal mendapati kejadian di sebuah rumah jagaan anak yatim swasta di Taman Mas, Kulai yang membabitkan mangsa berusia 10 tahun yang juga penghuni rumah jagaan itu.

"Mangsa dipukul oleh lelaki tempatan berusia 59 tahun yang juga penjaga rumah anak yatim tersebut pada bulan Oktober lalu.

"Suspek sebelum ini ditahan pada 30 November lalu bersabit kes rogol dan masih dalam tahanan reman sehingga esok. Kes disiasat dibawah Seksyen 31 (1) (a) Akta Kanak-kanak 2001," katanya.

# Banjir di Kelantan pulih, mangsa di Johor berkurang

BERNAMA



KESAN kerosakan banjir di Kampung Nelayan Baru, Tumpat. FOTO Nik Abdullah.

Kuala Lumpur: Setelah dua minggu dilanda banjir besar, keadaan di Kelantan pulih sepenuhnya petang tadi, manakala jumlah mangsa ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) di empat negeri iaitu Johor, Perak, Melaka dan Negeri Sembilan tidak jauh berubah.

Di **KELANTAN**, Pegawai Kebajikan Masyarakat Jajahan Pasir Mas, Azizan Aziz berkata, PPS terakhir iaitu di Sekolah Kebangsaan (SK) Gual Tok Deh yang menempatkan 32 mangsa, ditutup sekitar 6 petang tadi apabila banjir di kawasan penempatan mereka surut dan semua mangsa dibenarkan pulang.

Portal infobanjir.water.gov.my pula memaklumkan setakat 8 malam tadi, bacaan aras Sungai Golok di Kuala Jambu, Tumpat masih melepasi paras berjaga-jaga iaitu 2.01 meter (berjaga-jaga 2.0 meter) dengan trend menurun.

Di **JOHOR** jumlah mangsa banjir yang di tempatkan di PPS sedikit berkurangan selepas PPS Balai Raya Kampung Kuala Paya, Segamat ditutup petang tadi menjadikan mereka yang masih terjejas hingga 8 malam sekitar 101 orang berbanding 109 petang tadi, dengan kesemuanya ditempatkan di tiga PPS di Segamat.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Tan Sri Dr Azmi Rohani berkata, kesemua mangsa ditempatkan di Balai Raya Kampung Batu Badak (40 mangsa), Dewan Komuniti Kampung Tasek (45 mangsa) dan Balai Raya Kampung Sanglang (16 mangsa).

"Sementara itu, dua sungai masih lagi berada pada paras bahaya iaitu Sungai Tangkak di Kampung Seri Ma, Tangkak dengan bacaan 4.24 meter dan Sungai Muar di Jeti Kampung Tekam, Segamat dengan bacaan 4.13 meter.

"Daerah Segamat dilaporkan hujan malam ini manakala Muar, Mersing, Pontian, Kluang, Batu Pahat dan Tangkak adalah mendung serta Johor Bahru, Kota Tinggi dan Kulai berkeadaan cerah," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Sementara itu, mangsa banjir di **MELAKA** kekal dengan 11 orang yang masih berlindung di PPS SK Seri Mendapat, Jasin, menurut Sekretariat JPBN Melaka.

Di **PERAK**, Sekretariat JPBN dalam kenyataan memaklumkan jumlah mangsa banjir malam ini kekal 112 orang, yang ditempatkan di tiga PPS di daerah Kinta dan Perak Tengah iaitu PPS Dewan Serbaguna Tanjung Tualang serta Sekolah Kebangsaan St Paul di daerah Kinta (78 mangsa) manakala di PPS Dewan Orang Ramai Kampung Teluk Kepayang, Bota di Perak Tengah (34 mangsa).

Di **NEGERI SEMBILAN**, laman sesawang Info Bencana JKM melaporkan jumlah mangsa banjir di negeri itu meningkat kepada 129 mangsa yang ditempatkan di tiga PPS di Tampin berbanding 30 mangsa daripada lapan keluarga petang tadi.

Tiga PPS yang terlibat ialah PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Felda Sungai Kelamah, Balai Raya Kampung Parit Buluh dan SK Gedok.

**Disiarkan pada: Disember 9, 2024 @ 10:25pm**

# Pertimbang elaun khas kepada penjaga warga emas

December 9, 2024



*Salamiah Mohd Nor*

**KUALA LUMPUR:** Salamiah Mohd Nor (PN-Temerloh), menggesa kerajaan mempertimbangkan elaun khas kepada anak-anak yang menjaga ibu bapa warga emas.

Beliau turut bertanya mengenai cabaran pelaksanaan dasar penjagaan Malaysia dan langkah-langkah untuk memastikan objektif dasar itu tercapai.

"Adakah kerajaan telah mengkaji keperluan untuk mempertimbangkan elaun khas kepada anak-anak yang menjaga ibu bapa mereka dari kalangan warga emas?" katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengemukakan soalan tambahan pada sesi Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan di Dewan Rakyat, hari ini.

Salamiah juga mengucapkan tahniah kepada kerajaan atas perancangan dasar itu sambil menekankan kepentingan persediaan rapi bagi mengatasi halangan dalam pelaksanaannya.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad dalam jawapannya berkata, elaun khas untuk penjaga warga emas masih dalam perbincangan antara pihak berkepentingan dan kementerian, dengan cabaran utama mendapatkan persetujuan semua pihak.

Menurutnya, libat urus telah dijalankan sebanyak tiga kali melibatkan pelbagai pihak termasuk operator industri penjagaan, dan hasilnya sedang melalui proses kelulusan pengurusan sebelum dibawa ke kabinet.

Beliau menjelaskan, lima strategi utama turut dirangka, termasuk pengukuhan perundangan yang sudah lama tidak dikaji semula serta promosi penjagaan di pelbagai peringkat. – **HARAKAHDAILY 9/12/2024**

# PROPOSED NATIONAL CARE ECONOMY POLICY, KAFA TEACHER QUOTA AMONG DEWAN RAKYAT FOCUS TODAY

09/12/2024 08:46 AM



KUALA LUMPUR, Dec 9 (Bernama) -- The proposed National Care Economy Policy and quotas for the Quran and Fardu Ain (KAFA) teachers, are among the focus of the Dewan Rakyat sitting, today.

According to the Order Papers, published on the Parliament website, the first matter will be raised by Rodziah Ismail (PH-Ampang) during the question and answer session, who will ask the Minister of Women, Family and Community Development to explain the plan to introduce the policy.

She emphasises the significant economic potential of the care economy, noting its role in acknowledging women's contributions, through caregiving and domestic work, while fostering the creation of new job opportunities.

In the same session, Ahmad Tarmizi Sulaiman (PN-Sik) will ask the Prime Minister to state whether the government plans to increase the quota for KAFA teachers nationwide and the establishment of KAFA teacher education institutes, as well as grade increases for KAFA supervisors.

In addition, Teresa Kok (PH-Seputeh) will request an update from the Prime Minister on the efforts to separate the roles of the Attorney General and Public Prosecutors, as well as the timeline for implementing this institutional reform.

Meanwhile, Wan Razali Wan Nor (PN-Kuantan) will pose a question to the Minister of Entrepreneur Development and Cooperatives regarding the ministry's efforts to regulate problematic cooperatives, particularly in financial management and control measures, to safeguard cooperative members and investors from substantial financial losses.

Datuk Dr Ku Abd Rahman Ku Ismail (PN-Kubang Pasu) will ask the Minister of Investment, Trade, and Industry to state the value and industrial sectors to be developed by South Korean investors in Malaysia, as well as trade values, especially Malaysian exports to South Korea, stemming from his visit to the republic.

The sitting then continues with the tabling of bills for the first reading, including the Penal Code (Amendment) (No.2) Bill 2024 and the Criminal Procedure Code (Amendment) (No.2) Bill 2024.

In addition, the Labuan Companies (Amendment) Bill 2024; the Labuan Trusts (Amendment) Bill 2024; the Labuan Foundation (Amendment) Bill 2024 and the Labuan Limited Partnership and Limited Liability Partnership (Amendment) Bill 2024.

Next, the Legal Profession (Amendment) Bill 2024; the Communications and Multimedia (Amendment) Bill 2024; the Malaysian Communications and Multimedia Commission (Amendment) Bill 2024; the Water Services Industry (Amendment) Bill 2024 and the Mufti (Federal Territories) 2024 will be tabled for the second reading.

The current Dewan Rakyat sitting, scheduled to run for 35 days, began on Oct 14 and will conclude on Dec 12.

# Akta Profesion Kerja Sosial perlu penglibatan semua pihak

Nasional - Dicipta: 09 Disember 2024 02:21 PM - Kemas kini: 09 Disember 2024 02:21 PM



*Prof Haris (duduk dua dari kanan), Royzekry (duduk, tiga dari kanan) bergambar bersama pensyarah dan pelajar jurusan sosial yang menyertai Kongres / Foto UM*

***KUALA LUMPUR, 9 Disember-***Semua pihak perlu memainkan peranan dalam usaha pembentukan Akta Profesion Kerja Sosial.

Pensyarah Prof. Dr. Haris Abd Wahab Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial Universiti Malaya (UM) berkata kerjasama antara mahasiswa dari pelbagai universiti penting untuk meningkatkan kesedaran mengenai keperluan Akta Profesion Kerja Sosial.

"Semua pihak, termasuk kerajaan, badan bukan kerajaan, ahli akademik, dan mahasiswa, perlu memainkan peranan aktif dalam usaha ini,"katanya ketika berucap merasmikan Kongres Gabungan Mahasiswa Kerja Sosial Malaysia di sini.

Jelasnya, pembentukan Akta Profesion Kerja Sosial akan mewujudkan standard profesional, memperbaiki perlindungan kerjaya pekerja sosial, dan meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada golongan rentan.

Program anjuran Persatuan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Universiti Malaya (PPKSUM) tersebut menghimpunkan mahasiswa dari pelbagai universiti di seluruh negara, dengan objektif utama membentuk jawatankuasa interim ke arah penubuhan Gabungan Mahasiswa Kerja Sosial Malaysia.

Sebanyak tujuh buah universiti awam menyertai kongres berkenaan.

Sementara itu, Pengarah program, Muhammad Royzekry Daniel Royjefry, menjelaskan bahawa kongres berkenaan menyediakan platform interaksi antara mahasiswa kerja sosial, selain menjadi langkah awal dalam menyatukan suara pelajar dalam memperjuangkan pembentukan Akta Profesion Kerja Sosial.

"Kami berharap kongres ini menjadi batu loncatan untuk lebih banyak inisiatif pada masa akan datang.

"Suara mahasiswa penting dalam mempercepatkan penggubalan Akta Profesion Kerja Sosial di Parlimen," kata Royzekry.

Terdahulu, pada November lalu, kerajaan dilaporkan berkata Rang Undang-Undang (RUU) Profesion Kerja Sosial memerlukan penelitian mendalam sebelum dimuktamadkan dan dibentangkan di Dewan Rakyat.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Nancy Shukri berkata, ini termasuk memastikan kesediaan dasar bagi pelaksanaannya kelak.

Kementerian tersebut sebelum ini bercadang untuk membentangkan RUU itu pada akhir tahun ini, namun pelaksanaan memerlukan perincian lanjut bagi memastikan keberkesanannya selepas diluluskan.

# Abandoned baby girl receives MyKID, undergoes cleft-lip surgery thanks to Johor govt joint effort

By Jassmine Shadiqe - December 9, 2024 @ 7:11pm



State Women, Family, and Community Development Committee chairman Khairin-Nisa Ismail said the state Social Welfare Department, National Registration Department and Johor Women's League (Jewel) had closely worked together to ensure that the baby girl named "Fatimah" had access to essential services and rights as a Malaysian. NSTP FILE PIC

JOHOR BARU: A 19-month-old baby, who was born with a cleft-lip and abandoned by her drug addict mother, has received her birth certificate recently thanks to the Johor government's collaborative effort.

State Women, Family, and Community Development Committee chairman Khairin-Nisa Ismail said the state Social Welfare Department, National Registration Department and Johor Women's League (Jewel) had closely worked together to ensure that the baby girl named "Fatimah" had access to essential services and rights as a Malaysian.

The New Straits Times first highlighted the family's plea in February, after her 69-year-old illiterate grandmother Normah Asinar claimed that Fatimah and her three siblings were abandoned by her daughter at the five-foot way of a shoplot in Ipoh, Perak.

Since the report made headlines, it was also discovered that Fatimah was a victim of abuse with severe health issues. She underwent a series of corrective surgeries to repair her cleft lip and ease her breathing issues.

Khairin-Nisa said state agencies had come forward to help to the child and her siblings.

"Jewel played a key role in submitting her late birth registration application. They also helped with the registration of her siblings to school and with the fees.

"The collective commitment of the government and organisations involved in helping Fatimah, exemplifies the spirit of 'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing' (shared responsibility)," she said, extending gratitude to all parties who assisted in Fatimah's recovery and legal documentation.

She added both the Johor Islamic Religious Council and state Welfare Department had pledged continued support for Fatimah and her grandmother.

With the assistance, Normah now receives a monthly aid of RM1,600, and the rental for her People's Housing Project flat in Kempas Permai would be paid for by the state housing and local government committee chairman.

Khairin-Nisa, together with Johor Social Welfare Department director Pathmanathan R. Nalasamy, state Welfare officer Norhafizah Ahmad and State Assistant Community Development officer Jamalluddin Hassan, visited Normah recently to hand over Fatimah's birth certificate and MyKid.

# Mercato Lancar CSR, Bantu Mangsa Banjir Yang Terkesan

Mohd Saiful Iqbal Azib 09 Dis 24 08:03 PG




Pasar raya premium pertama di Pantai Timur yang kini beroperasi di Mayang Mall telah melancarkan program Banjir, Beli & Bantu dengan kerjasama Yayasan Kebajikan Negara (YKN) bagi membantu mangsa banjir di Terengganu.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | STRICKER LAW TO FIGHT ONLINE THREATS | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 10 DIS 2024 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Stricter law to fight online threats

## Communication made with a 'pure heart' will not be 'grossly offensive', says Fahmi



**Serious about safety:** Fahmi says while the government would continue to uphold the constitutional right to freedom of speech, the said freedom comes with responsibilities and the need to protect national security and safety. — Bernama

**KUALA LUMPUR:** The controversial Section 233 under the newly-passed Communications and Multimedia (Amendments) Bill 2024 is crucial in combating network abuse, including commercial exploitation, pornography and paedophilia, says Fahmi Fadzil.

The Communications Minister said it was important to retain Section 233, adding, however, that he understood the concerns raised by some MPs.

"Fundamentally, it is the improper use of (communications) networks. If the Section is repealed, it would enable criminals, scammers and paedophiles to act freely.

"That is the reality," he said in his winding-up speech for debates on the Communications and Multimedia (Amendments) Bill 2024, yesterday. The Bill was passed via a bloc vote in the Dewan Rakyat.

A total of 59 MPs voted in favour of the Bill and 40 were against. One abstained from voting, while 122 MPs were absent during the vote.

The Bill was tabled for the first reading on Dec 2 along with the Malaysian Communications and Multimedia Commission (Amendments) Bill 2024 (MCMC).

One of the key amendments in the former replaces the term "offensive" when committed through a content or network service provider, with "grossly offensive".

Earlier, several MPs stood up, including Syed Saddiq Syed Abdul Rahman (IND-Muar) who asked the government to retain the progressive parts of the Bill such as combating scams and online sexual crimes, but to repeal Section 233, which he and other Opposition MPs deemed regressive.

Fahmi said under the explanation of the Bill, any form of communications made with a "pure heart" (suci hati) will not be considered "grossly offensive" as long as the communication consists of factual statements, is true in content and is a statement of opinion.

"Previously, we did not have such an explanation. Section 233 has been improved with a detailed explanation of content elements added. These descriptions aim to improve and provide guidance to enforcement (investigation), prosecution (charges or otherwise) and the courts in assessing the content in question and ensuring the provision is neither misinterpreted nor misused (court's interpretation).

"The amendments in the Bill, particularly Section 233, seeks to balance guaranteeing freedom and upholding the rule of law," he added.

Fahmi also said that at the same time, the government would continue to uphold the right to freedom of speech as enshrined under Article 10 of the Constitution. However, this freedom is not absolute but comes with responsibilities and limits to maintain national harmony and security as outlined in Article 10(2) of the Federal Constitution, he added.

"The amendments also stipulate that content in the form of satire and parody, which are clearly fictional and not false, and any communication made in good faith, truthful in substance and fact, and consisting of statements of opinion, are not considered grossly offensive," he said.

Fahmi added that essentially, the Bill is aimed at enhancing online safety without restricting freedom of speech.

"The amendment to the legislation must be viewed holistically, not merely as a means of regulatory strengthening, but as a provision for a safer, more sustainable Internet ecosystem free from cyberthreats," he said.

Fahmi said the amendments are intended to create a robust legal framework to address the migration of conventional crimes online.

He said the legislation was also to ensure that the online environment is no longer dominated by harmful and excessively offensive content, which is inconsistent with the values of Malaysians.

"The amendments introduced under the Bill are vital to support industry development, boost foreign investor confidence, create a business-friendly environment and preserve the digital well-being of children and the harmony of a multiracial society toward developing Malaysia Madani as a progressive nation," he argued.

# Bayi maut selepas dihantar ke rumah pengasuh

Oleh DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA 9 Disember 2024, 8:06 pm



HARRAZ dilaporkan meninggal dunia selepas dihantar ke rumah pengasuhnya di Merlimau, Melaka, hari ini.

MELAKA – Seorang bayi lelaki meninggal dunia selepas dihantar ke rumah pengasuhnya di Merlimau, Jasin, pagi tadi.

Harraz Noah Nazrul Nizam, enam bulan, ditemui tidak sedarkan diri kira-kira pukul 11.40 pagi dalam keadaan mukanya tertutup dengan selimut di atas katil.

Ketua Polis Daerah Jasin, Deputi Superintendan Ahmad Jamil Radzi ketika dihubungi memberitahu, kes tersebut masih dalam siasatan oleh pegawai penyiasat dan perkembangan lanjut akan dimaklumkan kemudian.

Tinjauan Kosmo! di Jabatan Forensik Hospital Melaka kira-kira pukul 6.40 petang tadi mendapati, ahli keluarga bayi berkenaan termasuk ibu bapanya masih berada di ruangan menunggu sementara proses bedah siasat dijalankan.

Difahamkan setakat ini tiada penahanan dibuat terhadap pengasuh terbabit. -KOSMO! ONLINE.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SECURITY GUARD SENTENCED TO 15 YEARS, CANING FOR RAPE OF TEEN WITH DISABILITIES | | | |
| HARI | : | SELASA | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 10 DIS 2024 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Security guard sentenced to 15 years, caning for rape of teen with disabilities

**KUALA LUMPUR:** A security guard was sentenced to 15 years in prison and nine strokes of the cane by the Sessions Court here yesterday after pleading guilty to two charges of rape and one charge of having intercourse against the order of nature with a teenage girl with disabilities last month.

Judge Mohd Kafli Che Ali sentenced Mohd Rafiee Abdullah, 27, to five years in prison and three strokes of the cane for each count and ordered the prison terms to run consecutively from his date of arrest on Dec 3.

On the first and second counts, the man is accused of raping the 14-and-a-half-year-old girl at a store in Jalan Kuchai Lama, Brickfields between 5.29am and 5.54am on Nov 28, and at an apartment unit in Cheras at 7.30pm on Nov 30.

He was charged under Section 375(g) of the Penal Code which provides for a maximum prison sentence of 20 years and may be subject to caning.

The third charge under Section 377B of the Penal Code involved having intercourse against the order of nature in the toilet of a hall in Taman Gembira, Brickfields. Earlier, deputy public prosecutor Shakira Aliana Alias requested that the sentences be served consecutively, taking into account the public interest.

"A heavy sentence will not only serve as a deterrent to the accused but will also send a message to offenders that the court takes such crimes very seriously.

"The victim in this case is a 14-year-old child with a disability, specifically Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD)," she said. — Bernama

# Teen alleges rape at care home

By Kalbana Perimbanayagam - December 9, 2024 @ 8:30am




A 17-YEAR-old girl alleges that she endured two years of rape by the caretaker of the charity home where she lived before she became pregnant. - NSTP FILE PIC

KUALA LUMPUR: A 17-YEAR-old girl alleges that she endured two years of rape by the caretaker of the charity home where she lived before she became pregnant.

Compounding the situation is that the alleged perpetrator is the caretaker of the charity home.

Based on several documents including a police report sighted by the New Straits Times, the victim claimed that her ordeal started in 2020, when she was 13 years old.

She said two years of sexual abuse resulted in her becoming pregnant and delivering a baby in 2022, when she was 15 years old.

The victim claimed that the 59-year-old suspect sold her baby to a couple in Perak and that the abuse continued after her delivery.

She further alleged that the suspect, along with several other workers at the home, had warned her not to disclose the abuse or the existence of her baby to anyone.

Human rights activist D. Arun said the victim had shared her ordeal with a visitor to the home last month before the matter was brought to the attention of authorities.

"A police report was lodged at the Kulai police station on Nov 29, and the Johor Welfare Department has taken steps to facilitate investigations."

Arun said he had also met the victim to hear her story before bringing the matter to the police.

"This is a very tragic case that should never have happened.

"The victim shared her predicament with me during a three-hour meeting recently and expressed her determination to reclaim her child.

"She told me that after delivering her baby, the suspect forced her to give up the newborn.

"She also revealed that the suspect had prevented her from attending school, allowing him to abuse her at the home between 2020 and 2022."

Arun added that the victim and her 2-year-old child have been placed under the care of the state Welfare Department pending investigations.

Kulai police chief Assistant Commissioner Tan Seng Lee confirmed the suspect's arrest on Nov 30.

"Following the report lodged on Nov 29, an investigative team went to the home in Taman Mas at 3am and arrested the suspect.

"Preliminary checks revealed that the alleged incidents occurred over a span of two years while the victim was under his care," he said.

Tan said the suspect was currently under remand until tomorrow.

"The case is being investigated under Section 376 of the Penal Code for rape."